



PERAK
Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB RAJA PEMERINTAH”

3 November 2023 / 19 Rabiul Akhir 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِلِ

﴿قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ
مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga kita mendapat taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Maha Esa. Bersempena sambutan ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah kali ke-67, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

“PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB RAJA PEMERINTAH”.

Institusi raja berperlembagaan diperkenalkan di negara kita, ketika Persekutuan Tanah Melayu dimasyhurkan sebagai sebuah negara merdeka yang berdaulat pada 31 Ogos 1957. Kuasa mutlak pemerintahan beraja dan kedaulatan raja diberikan wajah baharu, dirangkaikan dengan suara rakyat dalam satu ikatan harmoni, dengan diperkenalkan sistem berkerajaan dan bernegara,

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



berkonsepkan doktrin raja berperlembagaan - demokrasi berparlimen. Institusi raja berperlembagaan baru berusia 66 tahun. Walaupun usianya masih muda, institusi raja berperlembagaan telah memperlihatkan sifat matang, membuktikan hikmah, arif menggunakan budi bicara, bijaksana menitahkan kata putus, berupaya dan bertenaga menangani pelbagai persoalan dan masalah negara.

Raja berperlembagaan bukan sekadar pelengkap berbentuk hiasan untuk memenuhi adat negara beraja – rakyat bersultan; tetapi terbukti mempunyai roh dan peranan sebagai penimbang tara terakhir, pada waktu-waktu negara menghadapi krisis, persengketaan, ancaman dan keadaan ketidakpastian, yang perlu mengharungi perairan yang belum dipetakan, seperti bencana, malapetaka, darurat, peristiwa perselisihan kaum 13 Mei, wabak penyakit dan persengketaan politik. Takhta pemerintahan telah berperanan sebagai pengimbang, menitahkan kata nasihat yang membantu merungkai kekusutan, dan menzahirkan arah panduan yang membantu mengatasi kebuntuan. Melalui hikmah raja pemerintah, suhu konflik dapat diturunkan, keresahan rakyat dapat ditenangkan, dan jentera kerajaan dapat kembali berfungsi seperti biasa.

Jemaah yang dilimpahi lindungan Ilahi,

Kuasa dan pemerintahan ialah kurniaan Ilahi kepada sesiapa yang Allah kehendaki. Dengan anugerah Ilahi, insan yang terpilih menjadi raja, mempunyai kedudukan mulia, tetapi turut dikembari dengan tanggungjawab yang besar. Pada awal khutbah, khatib membacakan firman Allah SWT, ayat 26 surah Ali-Imran yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad), “Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan, Engkaulah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki! Engkau yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah juga yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkau sahajalah terdapat segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.”

Susulan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 28 Mei 2014, Dewan Negara Perak telah mencapai kata sepakat, memilih Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah, sebagai Sultan Perak ke-35.



Baginda dimasyhurkan sebagai Sultan Perak pada 29 Mei 2014, dengan gelaran Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, ditabalkan pada 6 Mei 2015. ‘*Muizzuddin* bermaksud ‘pemeriksa agama’.

Sesungguhnya Islam tidak dapat dipisahkan daripada Raja Melayu, termaktub dalam Perkara 3(i) Perlembagaan Persekutuan, agama Islam ialah agama Persekutuan dan Perkara 3(ii) Perlembagaan Persekutuan menetapkan Raja sebagai ketua agama Islam negeri.

Islam menyuntik dimensi baharu kepada tatacara pemerintahan Raja Melayu, beralih daripada pemerintahan berpaksikan pertimbangan peribadi seorang manusia kepada pemerintahan berpaksikan hukum, kerana raja juga tidak boleh mengingkari tuntutan syarak. Kemuliaan raja dinilai dari sudut amal makruf menyempurnakan tanggungjawab, lantas menginsafkan raja bahawa kuasa pemerintahan ialah amanah Ilahi yang sama sekali tidak boleh disalahgunakan, dan krisis akan berlaku apabila raja memerintah dengan nafsu.

Islam menegaskan dua konsep iaitu adil dan muafakat, dan apabila raja bersifat adil, memerintah secara bermuafakat, serta menyayangi rakyat, tentunya rakyat akan membalas kasih sayang tersebut. Sewajarnya raja pemerintah menghayati sifat agung Allah SWT, sifat-sifat Maha Pengasih, Maha Penyayang, Maha Pemurah, Maha Pengampun.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan mempunyai kedudukan tertinggi dan paling utama memayungi pemerintahan negeri. Sebagai Raja Pemerintah dan Amirulmukminin, baginda bertanggungjawab menyempurnakan tugas fardu kifayah kepada watan dan ummah, untuk memulihara dan meningkatkan syiar Islam, memastikan berlakunya keadilan, menentukan kerajaan dipertanggungjawabkan kepada ulama dan umara yang amanah, jujur, bersih rasuah serta tidak menyalahgunakan kuasa; juga memantau agar khazanah negeri diuruskan secara telus demi kemakmuran negeri dan kesejahteraan hidup rakyat jelata.

Muslimin yang dirahmati Ilahi,

Mimbar mengutarakan beberapa rumusan:



Pertama: Kedaulatan yang mutlak hanyalah milik Allah SWT. Kuasa dan jawatan kurniaan Ilahi merupakan ujian yang penyandangannya akan diperiksa di Padang Mahsyar sama ada telah memenuhi amanah yang dipertanggungjawabkan, untuk mentadbir urus negara dengan adil lagi saksama berlandaskan hukum – bersendikan adat, serta memimpin ummah ke jalan yang lurus (الصِّرَاطُ الْمُسْتَقِيم)

Kedua: Kesultanan Melayu telah lama berakar subur di bumi ini, merupakan lambang keagungan tamadun bangsa, simbol kedaulatan tanah air warisan bangsa, berperanan sebagai benteng dan pelindung agama Islam dan adat Melayu, memberikan wajah serta identiti kepada negara bangsa.

Ketiga: Pemerintahan bernaungkan raja termaktub secara perundangan dalam Perlembagaan Negara. Sepuluh peratus iaitu 19 daripada 183 perkara dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan raja.

Keempat: Raja berperlembagaan berperanan sebagai tonggak kestabilan, pancur keadilan, teras perpaduan, dan payung penyatuan, memberikan naungan yang adil dan saksama kepada rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa, serta bermastautin di serata negeri dan pelbagai wilayah.

Kelima: Raja berperlembagaan ialah penimbang tara bebas lagi berkecuali kepada cabang-cabang perundangan, eksekutif dan kehakiman, demi memastikan terlaksana secara bermakna mekanisme semak dan imbang agar diperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap sistem demokrasi yang mengutamakan amalan pengasingan kuasa.

Khatib menyembah ucapan “Dirgahayu Tuanku” kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dengan iringan doa semoga negeri di bawah naungan pemerintahan Tuanku dilimpahi keamanan, keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran. Khatib juga menyembah ucapan tahniah atas pemilihan Duli Yang Maha Mulia Tuanku oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja, sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong, buat kali ketiga berturut-turut; semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dikurniakan petunjuk Ilahi dalam memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁴
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.⁵
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.⁶

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal’ alamin! kurniakanlah taufik dan hidayah, daulat dan kekuatan ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, agar dapat melaksanakan pemerintahan dalam sebuah negeri yang aman lagi sentosa, serta rakyatnya hidup dalam damai dan harmoni. Kurniai baginda kebijaksanaan pemerintahan seperti yang pernah Engkau kurniakan kepada Nabi Daud a.s. dan Nabi Sulaiman a.s, berpandukan ayat yang terkandung dalam *Surah Sad*; Singkapkan rahsia Mu agar baginda menemui pedoman di sebalik kehebatan Zul-Qurnain, yang diperihalkan dalam *Surah al-Kahfi*. Kurniakan taufik dan hidayah Mu kepada Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.